

# Usrah & Dakwah

**Usrah Dan Dakwah oleh Al-Imam Hassan Al-Banna**  
Terbitan Dewan Pustaka Fajar 1985

Dapatkan koleksi bahan tarbiyyah di <http://www.geocities.com/bahantarbiyyah>

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### LANDASAN

الَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رَسُولَاتِ اللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا اللَّهَ وَكَفَى بِاللَّهِ حَسِيبًا (39)

“Orang-orang yang menyampaikan risalah Tuhannya (Allah) dan takut hanya kepadanya tidak kepada lainnya, cukuplah Allah sebagai Pengira segala Amal dan makhluknya.” ( Al-Ahzab:39)

قُلْ إِنَّمَا أَعْطُكُمْ بِوَاحِدَةٍ أَنْ تَقُومُوا لِلَّهِ مِثْلَ قُرْبَانٍ وَإِن يَكْفُرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ غَنِيًّا (46) قُلْ مَا سَأَلْتُكُمْ مِنْ أَجْرٍ فَهُوَ لَكُمْ إِن أَجْرِي إِلَى اللَّهِ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ (47) قُلْ إِن رَّبِّي يَعْلَمُ الْغَيْبُ (48) قُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَمَا يُبْدِيُ الْبَاطِلُ وَمَا يُعِيدُ (49) قُلْ إِن ضَلَلْتُ فَإِنَّمَا أَضِلُّ عَلَىٰ نَفْسِي وَإِنِ اهْتَدَيْتُ فَبِمَا يُوحِي إِلَيَّ رَبِّي إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ (50)

Katakanlah !

Hanya sebuah wasiatku kepadamu, yalah, kamu akan menghadap kepada Allah berdua-dua dan sendiri sendiri. Kemudian renungkanlah dalam-dalam. Tidak ada sifat gila pada sahabat kamu itu (Muhammad). ia hanyalah seorang pembawa peringatan buat kamu dihadapan adzab yang pedih.

Katakanlah!

Upah yang kuharapkan dari kamu adalah buat kamu. Balasan jasa buatku terserah kepada Allah, kerana ia menyaksikan segala sesuatu.

Katakanlah!

Sesungguhnya Tuhanku yang Maha mengetahui perkara ghaib mewahyukan kebenaran kepadaku.

Katakanlah!

Telah datang kebenaran, dan kebathilan tidak bisa memulai sesuatu buat mengalahkan kebenaran dan tidak bisa mengembalikannya.

Katakanlah!

Jika aku sesat, maka kesesatan itu buat diriku sendiri, dan jika aku dipimpin, maka itulah wahyu dan Tuhanku, sesungguhnya Ia Maha Mendengar, yang dekat.

( Saba': 46-50 )

## ENAM PEGANGAN

1. Agama hanya akan dapat dirasakan oleh orang yang menegakkan dia dalam dirinya.
2. Bahagia dan sa'adah hanya akan dirasakan oleh orang yang membela keyakinan, kebenaran dan keadilan.
3. Kemenangan dan kejayaan hakiki hanya akan diberikan kepada para pejuang yang rela berkorban, kuat menahankan penderitaan dan kepapaan.
4. Kesabaran dan ketahanan berjuang hanya akan diberikan kepada Mukmin yang mendekatkan dirinya kepada Allah s.w.t.
5. Tegaklah dengan keyakinan dan perjuangan, kerana makna dan guna hidup terletak pada keyakinan dan perjuangan.
6. Belajarlah menfanakan diri guna kepentingan Cita dan Agama.

Inilah perutusanku kepada saudara-saudara para Mujahidin didalam "Ikhwan Muslimin" yang beriman kepada kemuliaan Dakwah mereka, beriman kepada kesucian Fikrah (Falsafah Hidup) mereka, dan sungguh sungguh berazam hendak sehidup dan semati dengan Dakwah serta Fikrah mereka: kepada hanya saudara saudara tertentu inilah sahajalah saya mengemukakan kata-kata yang ringkas ini iaitu kata-kata yang herupa arahan-arahan (directives) yang mesti ditunaikan bukan mata pelajaran yang dihafadz dibibir mulut. Oleh itu marilah segera kearah "bekerja" wahai saudara saudara Saduqun, dan segala amalan kamu itu akan dibuktikan oleh Allah, RasulNya, dan oleh orang-orang Mukminin, dan kamu sekalian akan dikembalikan kelak kepada Tuhan Maha Mengetahui segala sesuatu yang tersembunyi dan yang nyata lalu diterangkannya kepada kamu apa-apa yang telah kamu "Kerjakan".

Sebenarnya: "ini ialah jalanku yang lurus, maka hendaklah kamu mengikutnya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain kelak dikelincungkannya kamu dan jalan Allah; itulah amanat yang diwasiatkan nya kepada kamu mudah-mudahan kamu terpelihara."

Adapun selain dan para "Mujahidin" tadi, maka untuk mereka sudah pun ada berbagai-bagai pelajaran, ceramah, kitab, rencana tulisan, tanda lambang, Jabatan, dan masing-masing dengan kesanggupannya, maka berlumba-lumbalah ke arah kebajikan sedang Allah menjanjikan kebaikan kepada setiap pihak.

## DARIHAL "USRAH" Hassan al-Banna

1. Sesungguhnya Islam memandang sangat mustahak untuk membentuk ikatan-ikatan perpaduan untuk penganut-penganutnya. Ikatan-ikatan ini dinamakan "Usrah" atau "Keluarga" Dengan terbentuknya apa yang dinamakan "Usrah" atau "Keluarga" seperti itu akan dapatlah dipimpin penganut-penganut Islam tadi ke arah contoh-contoh pujaan yang tinggi, dan dapatlah diperkuatkan ikatan-ikatan yang ada pada mereka, bahkan akan dapatlah dipertinggikan mutu "Ukhuwah" atau "Persaudaraan" di antara sesama mereka sendiri; iaitu dengan jalan membawa contoh-contoh pujaan dan persaudaraan itu dan peringkat bualan dan pandangan teori kepada peningkat perbuatan dan amalan. Oleh itu, saudara sendiri juga hendaklah turut memandang berat serta bersedia untuk menjadi batu-bata yang sihat lagi berguna kepada bangunan keluarga bentukan yang mulia ini; iaitu "Usrah Islamiah" atau "Keluarga Islam".

2. Rukun ikatan "Usrah" ini tiga perkara yang mana hendaklah saudara memelihara serta mengambil berat untuk bersungguh-sungguh menjayakannya supaya ikatan "usrah" tersebut tidaklah semata-mata menjadi suatu beban yang tidak mempunyai sebarang erti. Tiga rukun tersebut ialah:

(1) Berkenalan; (2) Bersefahaman; dan (3) Berseimbangan.

3. Erti Berkenalan: "Berkenalan" di antara satu sama lain ialah rukun yang pertama bagi pengertian "Usrah"; Oleh itu "ta'aruf" saudara-saudara hendaklah berkenal kenalan serta berkasih sayang dengan semangat cinta kepada Agama Allah, dan hendaklah saudara-saudara menyedari serta memahami pengertian hakikat "ukhuwah" (persaudaraan) sejati di antara sesama saudara saudara sendiri. Saudara-saudara hendaklah berusaha bersungguh-sungguh supaya jangan ada apa pun juga yang boleh mengerohkan perhubungan "ukhuwah" itu. Ini boleh saudara-saudara lakukan dengan jalan sentiasa menjunjung titah perintah firman-firman Allah dan hadith-hadith Rasul, bahkan dengan jalan menjadikan firman-firman dan hadith-hadith itu perkara perkara yang wajib diutamakan ke atas perkara-perkara yang lainnya.

4. Firman Tuhan:

(إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ)

ertinya: (orang muslim ialah saudara bagi)

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا  
تَفَرَّقُوا

ertinya: (dan berpeganglah dengan tali Allah dalam ertikata kasih sayang mereka, dalam semuanya dan janganlah kamu berpecah-belah)

#### 5. Hadith Rasul:-

( الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالنَّبِيِّ يَشُدُّ بَعْضُهُ  
بَعْضًا )

ertinya: (orang mukmin bagi orang mukmin itu laksana bangunan yang sebahagianna memperkuat sebahagian yang lain)

( الْمُسْلِمُ أَخُ الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ  
وَلَا يَسْلِمُهُ )

ertinya: (orang muslim ialah saudara bagi muslim yang lain; ia tidak menzaliminya dan tidak juga membiarkannya)

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ  
وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاظِفِهِمْ  
كَمَثَلِ الْجَسَدِ الْوَاحِدِ

ertinya; (Perbandingan orang-orang mukmin dalam ertikata kasih sayang mereka, dalam perasaan belas kasihan mereka, dan dalam persimpatian mereka adalah laksana badan yang satu)

6. Malangnya, perintah-perintah Tuhan dan arahan-arahan Rasul itu, dalam zaman kebelakangan selepas angkatan pertama dan zaman perkembangan Islam dahulu, telah berubah menjadi hanya cakap-cakap kosong dikalangan orang-orang Islam sendiri dan ianya tidak lebih dan angan-angan sahaja. Tetapi, walaubagaimana, apabila angkatan kita "ikhwan muslimin" muncul maka baharulah saudara-saudara sempat membuktikan erti hakikat "Ta'aa-ruf" atau "Berkenalan" tadi secara amalan, malah saudara-saudara ikhwan kita mencuba berkali-kali

melaksanakan dasar “ta’aruf” itu dikalangan masyarakat kita; saudara-saudara juga membuktikan keazaman yang kuat untuk mencantumkan semula umat kita dengan berpandu kepada semangat cinta kepada Allah dalam bentuk “ukhuwah Islamiah”. Oleh itu, saya mengambil peluang mengucapkan tahniah sekiranya benar saudara-saudara sudah berazam begitu, malah saya berharap begitulah hendaknya yang saudara-saudara azamkan dan Allah jualah yang akan memberi taufiknya kepada saudara-saudara sekalian.

7. Bersefahaman: Rukun yang kedua bagi “Peraturan”, atau susunan “Usrah”, ini ialah “Ta-faa-hum” atau “Bersefahaman”: oleh itu, saudara-saudara hendaklah selama-lamanya berpegang dengan “Kebenaran”; iaitu dengan jalan mengerjakan apa-apa yang diperintah Allah dan merentikan apa-apa yang dilarangnya dan saudara-saudara juga hendaklah memeriksa diri sendiri dengan sehalus-halusnya samada saudara-saudara benar taat kepada perintah Allah atau pun terlibat ke dalam suatu kederhakaan. Setelah memeriksa diri sendiri, saudara-saudara hendaklah pula nasihat menasihati di antara satu sama lain apabila kelihatan sesuatu “cacat”.

8. Dalam soal nasihat menasihati ini hendaklah saudara yang diberi nasihat itu bersedia serta sanggup menerima nasihat dan saudaranya tadi dengan sukacita dan gembira dan memberi terimakasih atas nasihatnya itu.

Saudara yang memberi nasihat itu pula janganlah berubah hati terhadap saudaranya yang “tersilap” tadi walau pun perubahan perasaan hati itu sejarak sehelai rambut sekalipun.

9. Nasihat-nasihat hendaklah diberi dengan cara yang baik dengan tidak memandang rendah terhadap saudara yang dinasihatinya itu. Orang yang memberi nasihat janganlah menganggap dirinya lebih mulia bahkan ia hendaklah memberi nasihat dengan cara tidak melahirkan terangnya akan kesilapan saudaranya itu kira-kira selama sebulan dengan tidak pun menceritakan segala kecacatan yang telah pun diperhatinya pada “Ketuanya” (Ketua Usrah). Ia hendaklah menceritakan hal itu kepada “Ketua Usrah” jika ia rasa tidak berdaya memperbaikinya. Dalam apa hal sekalipun, iaitu janganlah sekali-kali merasai tawar hati terhadap saudaranya yang “silap” tadi malah hendaklah ia tetap memberi kasih sayang terus menerus kepadanya sehinggalah Allah melakukan apa-apa perubahan yang dikehendakinya.

10. Dalam semua hal seperti yang dibentangkan tadi, saudara yang diberikan nasihat pula janganlah menunjukkan kedegilan dan sikap keras kepalanya malah ia janganlah berubah hati walau sejarak rambut sekali pun terhadap saudaranya yang memberi nasihat tadi; hendaklah difaham bahawa martabat “kasih sayang” kerana Allah itu adalah setinggi-tinggi martabat bagi pengertian “kasih sayang” di kalangan umat manusia, manakala “nasihat” itu pula adalah satu-satunya dasar yang amat penting di dalam agama Islam. Rasul bersabda- (ad dii-nun na-sii-hah) ertinya: (Agama itu adalah nasihat). Oleh itu, perhatikanlah dalam-dalam — mudah-mudahan Allah memberi rahmat kepada kamu — perhatikanlah dalam-dalam akan pengajaran yang mulia di dalam hadith Rasul tadi, mudah-mudahan Allah selamatkan saudara-saudara di antara sesama saudara-saudara sendiri, dan semoga Allah perkokohkan susunan saudara-saudara dengan berkat ta’at saudara-saudara kepadanya; dan semoga Allah elakkan kita dan saudara-saudara semua daripada tipu-daya syaitan.

11. Bersaimbangan: “Bersaimbangan” atau (ta-kaa ful) ialah dasar memelihara nasib sesama sendiri supaya jangan ada orang yang terbiar atau terlantar; oleh itu saudara-saudara hendaklah mengamalkan dasar “takaful” ini dengan cara yang bersungguh-sungguh untuk bersama-sama menolong memikul bebanan sesama sendiri. Dasar “Bersaimbangan” atau “takaful” ini merupakan tunjang iman dan inti-sari “ukhuwah” sejati. Untuk mengamalkan rukun “Bersaimbangan” ini, saudara-saudara hendaklah sentiasa bertanya khabar sesama sendiri, ziarah menziarah, dan berganti ganti membuat kebajikan dengan jalan segera menolong di antara satu sama lain sedaya upaya. Perhatikan sabda Rasul:

لَا يَمْسِي أَحَدُكُمْ فِي حَاجَةٍ  
أَخِيهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَتَكْفَأَ  
فِي مَسْجِدِي هَذَا شَهْرًا

Ertinya: (Kalau seseorang dan kamu itu berjalan kerana hendak menolong saudaranya adalah lebih baginya daripada ia ber'iktikaf sebulan di masjidku ini.)

Dalam suatu sabdanya yang lain, Rasul berkata yang ertinya: (Barang siapa memberi kesukaan kepada keluarga sesebuah rumah orang muslim nescaya tidak lain yang dibalas Allah melainkan dengan syurga).

Mudah-mudahan Allah padukan saudara-saudara sekalian dengan pertolongannya sendiri; kerana Allah itulah sebaik-baik Pengawal dan sebaik-baik Pembantu.

## 12. Wahai Saudara-saudara Ikhwan:

Jika saudara-saudara faham maksud di dalam "kewajipan-kewajipan" yang dihadapan saudara saudara, dan di dalam "kerja-kerja" yang dihadapan saudara-saudara, jika saudara-saudara mengerjakannya maka disitulah terletaklah segala sesuatu yang boleh menjayakan rukun-rukun "Ber-Usrah" tadi. Oleh itu, saudara-saudara hendaklah sentiasa menyemak tugas tugas yang bercorak "tugas tolong-menolong" dan tiap-tiap ahli "ikhwan" hendaklah memeriksa dirinya sendiri untuk melaksanakan "kewajipan-kewajipan" tersebut.

13. Selain dan itu, hendaklah tiap-tiap "ikhwan" itu benar-benar menghadiri pertemuan-pertemuan yang telah dijadualkan walau bagaimana uzur sekalipun, kemudian hendaklah ia segera menunaikan kewajipannya untuk "Tabung Usrah" atau (Sun-duu-qul-Usrah) iaitu cawangan "Usrah" yang ia sendiri menjadi ahlinya sehingga dengan demikian hendaklah jangannya sampai ada ahli yang tidak menunainya. Sebenarnya, apabila saudara dapat menunaikan kewajipan-kewajipan yang bersifat perseorangan, kemasyarakatan, dan kewangan seperti yang tertera tadi maka tidak syak lagi rukun-rukun "Usrah" kita ini akan terlaksana dengan jayanya. Akan tetapi, sebaliknya, jika saudara-saudara mencuaikannya maka segala rukun dan peraturan tersebut sudah tentu akan beransur-ansur mundur dan akhirnya terus mati; dan dengan matinya "Peraturan Usrah" yang baik ini akan rugilah gerakan "Dakwah" ini kita serugi-ruginya. Perlu ditegaskanbahawa gerakan "Dakwah" kita ini amatlah dikehendaki dan menjadi tempat harapan bagi umat Islam seluruhnya.

14. Banyak juga di antara saudara-saudara "Ikhwan" kita bertanya: "Apakah yang hendak dibuat di dalam pertemuan-pertemuan kita tiap-tiap minggu selaku sebuah "Usrah" menurut susunan dan peraturan ini?"

Perkara ini mudah sahaja; kerana alangkah banyaknya kewajipan kita sedangkan masa kita terlalu sedikit; oleh itu pertemuan-pertemuan mingguan kita hendaklah dipenuhi dengan perkara-perkara yang berikut:

## 15. Perkara (1): Membentangkan Kesulitan:

Tiap-tiap seorang "ikhwan" hendaklah membentangkan kesulitan-kesulitannya, kemudian saudara saudara yang lain turut mengambil berat untuk tolong mengatasi kesulitan-kesulitan itu; dan ini hendaklah dilakukan di dalam suasana "ukhuwah" yang sejati dan dengan niat yang sebenar-benar ikhlas kerana Allah. Dengan demikian dapatlah diperkuatkan lagi asas "saling percaya mempercayai" seperti mana juga dapat diperkukuhkan tali hubungan "ukhuwah". Rasul bersabda:

الْمُؤْمِنُ مِرْآةُ أَخِيهِ

Ertinya: (Orang mu'min itu cermin bagi saudaranya).

Dengan demikian kita berharap semoga tercapailah sedikit sebanyak hikmat yang tersaji di dalam hadith Rasul yang berbunyi:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ  
وَتَرَاحُفِهِمْ وَتَعَاظِفِهِمْ كَمَثَلِ

الْجَسَدِ الْوَاحِدِ . إِذَا اشْتَكَ مِنْهُ عَضْوٌ  
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالشَّهْرِ  
وَالْحُمَى .،

Ertinya:

(Perbandingan orang-orang mukmin dalam erti kata kasih sayang mereka, dalam ertikata belas kasihan mereka sesama mereka, dan dalam erti kata timbang rasa simpati mereka adalah laksana badan yang satu; iaitu apabila mana-mana anggota mengadukan hal maka turut menangunglah seluruh badan dengan berjaga malam dan merasai demam).

16. Perkara (2): Bermuzakarah:

Hendaklah saudara bermuzakarah iaitu bertukar tukar fikiran mengenai urusan-urusan Islam; hendaklah menatap risalah-risalah arahan dan taklimat yang diedarkan oleh Pucuk Pimpinan kepada seluruh cawangan "Usrah". Dalam satu-satu pertemuan "Usrah" janganlah ada sebarang pertengkaran atau bertikam lidah atau sikap menengking herdik kerana semuanya adalah dikira "haram" menurut Undang undang Usrah. Muzakarah hendaklah merupakan penerangan dan penjelasan dengan tidak melanggar batas-batas sopan santun yang sempurna dan dengan cara harga-menghargai fikiran yang datang semua pihak yang mengambil bahagian di dalam muzakarah itu. Apabila hendak ditutup satu-satu perbincangan, atau hendak dibuat keputusan mengenai apa-apa cadangan, atau hendak di penjelasan lanjut mengenai cadangan yang sedang ditimbangkan itu, maka perkara itu hendaklah diserahkan kepada "Ketua Usrah" supaya beliau sempat terlebih dahulu mengemukakannya kepada "Pucuk Pimpinan". Jangan dibuat keputusan mengenai sesuatu perkara dengan cara terburu-buru. Tuhan mencela umat-umat manusia yang bersikap terburu dengan firmanNya:

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْأَمْنِ أَوِ الْخَوْفِ  
أَذَاعُوا بِهِ

Ertinya:

(Dan apabila datang kepada mereka sesuatu perkara mengenai keamanan atau ketakutan maka mereka pun terus mencanangkannya.)

Setelah Tuhan mencela mereka yang berperangai begitu maka Tuhan tunjukkan pula apa-apa yang semestinya dilakukan apabila tersua dengan suasana seperti itu. Tuhan berfirman:

وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ  
مِنْهُمْ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ  
لَهُ مِنْهُمْ .

Ertinya: (Kalaulah mereka kembalikannya kepada Rasul dan kepada Pihak Berkuasa dan antara mereka sendiri nescaya orang-orang yang menimbanginya itu menge tahui hakikatnya.)

#### 17. Perkara (3): Kajian Buku:

Hendaklah saudara-saudara mengadakan suatu kajian yang berfaedah mengenai sesebuah kitab yang bermutu. Apabila sudah membuat kajian begitu, maka hendaklah saudara-saudara angkatan Ikhwan beroleh pula untuk menjayakan erti “Ukhuwah” hatta dalam perkara-tunjuk “muka manis” sekalipun; dan alangkah banyaknya perkara-perkara yang berfaedah seperti itu yang mana tentulah tidak termuat oleh terlalu banyaknya di dalam kitab-kitab dan buku-buku. Perkara-perkara ini tentulah tidak dapat disedia sekali gus di dalam “Taklimat-Takimat” dalam perkara perkara seperti ini; iaitu seperti menziarah orang sakit; menolong orang-orang yang berhajat walaupun dengan hanya sekadar kata-kata yang baik; mencari dan bertanyakan hal tentang saudara-saudara yang tidak kelihatan bersama-sama kumpulan; dan menanggung bebanan saudara-saudara yang terputus rezeki. Semuanya itu dapat menambahkan lagi tali “Ukhuwah” dan dapat melipatgandakan perasaan kasih sayang di dalam hati masing-masing.

#### 18. Rencana Tambahan:

Untuk mengukuhkan ikatan persaudaraan di antara saudara-saudara “Ikhwan Muslimin”, maka mereka sendiri hendaklah memandang mustahak perkara-perkara yang berikut: -

- (1) Mengadakan perkelahan yang bercorak kebudayaan untuk melawat ke tempat-tempat yang ber sejarah, gudang-gudang perusahaan, dan sebagainya.
- (2) Mengadakan perkelah-kelahan riadzah pada tiap tiap bulan.
- (3) Mengadakan perkelah-kelahan berdayong sampan.
- (4) Mengadakan perkelah-kelahan ke bukit-bukit, ke padang-padang pasir dan ke ladang-ladang.
- (5) Mengadakan bermacam-macam perkelahan dengan mengguna basikal.
- (6) Berpuasa seminggu sekali atau dua minggu sekali.
- (7) Sembahyang Subuh berjama’ah di masjid Sekurang-kurangnya seminggu sekali.
- (8) Berikhtiar seboleh-bolehnya bermalam beramai ramai seminggu sekali atau dua minggu sekali.

#### **KEWAJIPAN ANGKATAN IKHWAN**

#### 19. Pertama: Untuk Badan Saudara:

- (1) Hendaklah saudara segera berjumpa doktor untuk diperiksa kesihatan umum saudara. Jika didapati ada apa-apa penyakit maka hendaklah saudara segera berubat. Selain dan itu hendaklah saudara sentiasa mengambil berat tentang punca-punca kekuatan badan saudara dan cara-cara bagaimana memeliharanya dan segi kesihatan. Di samping itu hendaklah saudara menjauhkan diri daripada sebab-sebab yang boleh melemahkan kesihatan badan saudara.
- (2) Hendaklah saudara menjaga kebersihan di dalam semua hal — iaitu samada dalam rumahtangga, pakaian, makan minum, tubuh badan, maupun tempat bekerja dengan sebersih-bersihnya; kerana Islam itu diasaskan di atas dasar “Kebersihan”.
- (3) Hendaklah saudara tidak meminum kopi atau teh berlebih-lebihan dan apa-apa jua minuman penyegar seperti itu; malah seboleh-bolehnya cubalah jangan sama sekali menghisap rokok.

(4) Hendaklah saudara mengamalkan apa-apa jenis riadzah badan walaupun dengan cara hanya sekadar berjalan-jalan kaki sahaja; dan hendaklah saudara menjadi ahli di dalam mana-mana “Pasukan Pengembara” jika umur saudara menasabah dengannya.

(5) Hendaklah saudara menjauhkan diri sama sekali daripada arak, minuman-minuman keras yang memabukkan, dan minuman-minuman yang boleh melemahkan kesihatan badan atau apa jua minuman yang merbahaya seperti itu.

20. Yang Kedua: Untuk Akal Saudara:

(6) Hendaklah saudara dapat membaca dan menulis dengan baik. Hendaklah saudara belajar membaca dan menulis jika saudara belum dapat berbuat demikian. Hendaklah saudara sentiasa bermutala'ah dapat berbuat demikian. Hendaklah saudara sentiasa membaca akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Hendaklah juga saudara mempunyai sebuah kutub-khanah khas untuk saudara sendiri walaupun kecil supaya saudara berpeluang mendalami ilmu pengetahuan dan kepandaian yang sudah ada pada diri saudara jika saudara adalah termasuk ke dalam mana-mana golongan iktisas dalam satu-satu bidang pengetahuan. Saudara hendaklah juga memiliki pengalaman berkenaan urusan-urusan Ugama Islam kira-kira membolehkan saudara menggambarkan hakikatnya dan menimbang samada cucuk atau tidak satu-satu perkara itu dengan tujuan-tujuan Dakwah' kita.

(7) Hendaklah saudara dapat membaca Quran dengan betul: dan juga hendaklah saudara dapat mendengar serta memikirkan ertinya. Juga saudara dikehendaki mempelajari “Sirah” atau Perjalanan Rasulullah dan sejarah angkatan “As-sala-fus Saa-lih” atau yang sangat “mustahak” (essential) mengenai asas-asas “Aqidah asas-asas bagaimana hukum-hukum itu bercabang, dan juga rahsia-rahsia Syari'at Tuhan.

21. Ketiga: Untuk Budi Pekerti Saudara:

(8) Hendaklah saudara sentiasa di dalam keadaan segar mekar dan cergas, berperasaan halus, mudah herkesan samada terhadap sesuatu yang baik maupun terhadap sesuatu yang buruk; samada terhadap perkataan-perkataan maupun terhadap perbuatan.

(9) Hendaklah saudara sentiasa bercakap benar dan jangan sekali-kali berdusta; hendaklah saudara kuat kemahuan; dan janganlah teragak-agak di dalam sesuatu perkara, yang benar dan hendaklah saudara sanggup menyimpan rahsia; berani mengaku kesilapan sendiri. sanggup menyedari dan mengawas din sendiri ketika marah.

(10) Hendaklah saudara bersikap berani; sanggup memikul bebanan; dan semulia-mulia keberanian itu ialah berani berterang-terang dengan perkara yang benar dan hendaklah saudara sanggup menyimpan rahsia; berani mengaku kesilapan sendiri, sanggup menyedari dan mengawal diri sendiri ketika marah.

(11) Hendaklah saudara bersikap gagah dengan cara sentiasa bersungguh di dalam sesuatu perkara. Kegagahan sikap seperti itu tidaklah pula sampai menghalang saudara dan bergurau dengan yang benar dan ketawa dengan senyum dan dengan tidak mengada ngada.

(12) Hendaklah saudara menjauhkan diri daripada rakan-rakan yang jahat dan daripada kawan yang rosak seperti mana saudara juga hendaklah menjauhkan diri daripada tempat maksiat dan dosa.

22. Keempat: Untuk Saku Saudara:

(13) Hendaklah saudara membuat apa juga kerja yang halal yang boleh mendatangkan rezeki sekalipun kalau saudara sudah kaya-raya; dan juga hendaklah saudara memilih kerja yang bersungguh dan mencubakannya seberapa daya upaya walaupun kerja itu sukar; bahkan hendaklah saudara bertekun sehingga berjaya di dalam satu-satu kerja.

(14) Janganlah saudara terlalu sibuk mencari kerja di pejabat-pejabat Kerajaan. akan tetapi janganlah pula saudara menolaknya jika peluang mendatang; dan janganlah lepaskan kerja yang sudah saudara dapat kecuali jika kerja itu henar-benar berlawanan dengan tugas-tugas Gerakan Dakwah kita.

(15) Hendaklah saudara sentiasa berjaga-jaga supaya dapat menunai tugas saudara dengan cukup amanah tentang kelicinan dan ketertihan pekerjaan itu; dengan sekali-kali tidak menipu; bahkan hendaklah saudara menunaikan kewajipan itu dengan tepat pada waktunya dan tepat pada masa janjinya.

(16) Hendaklah saudara menjauhkan diri dari permainanjudi walaupun apa jua pun coraknya, dan walaupun pun jua tujuan yang ada dibaliknya. Hendaklah juga saudara menjauhkan diri daripada cara-cara penghasilan haram walaupun dibaliknya itu terdapat keuntungan yang segera.

(17) Hendaklah saudara menjauhkan diri daripada amalan riba di dalam apa jua mu'amalah jual-beli, malah hendaklah saudara membersihkan diri sama sekali dan sebarang aliran riba itu.

(18) Hendaklah saudara menyimpan sebahagian daripada wang saudara untuk masa kecemasan walaupun simpan itu sedikit sahaja, dan janganlah sekali-kali saudara-saudara terjerumus ke dalam perbelanjaan perbelanjaan yang tidak mustahak.

(19) Hendaklah saudara memerangi tempat-tempat permainan kotor; jangan menghampirinya, dan hendaklah saudara menjauhkan diri daripada cara hidup bermewah-mewah, berlebihan dan membazir.

(20) Hendaklah saudara mengguna harta umum umat Islam itu kepada jalan-jalan yang menggalakkan perusahaan dan pembangunan ekonomi Islam. Hendaklah saudara berjaga-jaga supaya jangan sampai keciciran wang itu walau sekupang sekalipun ke tangan pihak yang bukan Islam walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Hendaklah saudara jangan memakai melainkan barang-barang buatan tanah air saudara sendiri.

(23) Yang Kelima: Untuk Orang Lain:

(21) Hendaklah saudara berlaku adil dan benar dalam menjalankan sesuatu hukum walaupun pun jua perkaranya. Janganlah saudara lupakan kebaikan orang lain sebab saudara marah; dan sebaliknya pula, janganlah saudara memejam mata daripada kejahatan mereka — itu sebab saudara sayang. Budi baik orang lain hendaklah dikenang walaupun ketika dalam keadaan permusuhan. Hendaklah saudara bercakap benar walaupun terhadap diri sendiri atau terhadap orang yang paling hampir dengan saudara sekalipun cakapan yang benar itu pahit dan maung akibatnya.

(22) Hendaklah saudara cergas dan terlatih dalam membuat perkara-perkara kebajikan am. Kecerdasan ini dapat diukur dengan perasaan gembira saudara ketika saudara dapat memberi khidmat kepada orang lain untuk mencapai maksud ini hendaklah saudara menziarahi orang-orang sakit, menolong orang-orang yang berhajat, menanggung bebanan orang-orang yang lemah dan melapangkan dada orang-orang yang ditimpa kemalangan atau bencana walaupun hanya sekadar dengan cakap-cakap yang "melegakan hati". Tegasnya, hendaklah saudara segera melakukan kebajikan walau apajua pun coraknya.

(23) Hendaklah saudara bersifat belas-kasihan dan bertolak-ansur. Dalam hal ini hendaklah saudara memaaf dan mengampun kesilapan-kesilapan orang lain. Belas kasihan ini bukan sahaja terhadap sesama manusia akan tetapi juga terhadap makhluk haiwan. Hendaklah saudara bermu'amalah dengan orang lain secara yang baik; sentiasalah berkelakuan baik terhadap orang ramai dan hendaklah saudara memelihara sopan santun secana Islam dalam pengaulan sehari-hari — iaitu dengan cara menaruh perasaan belas kasihan kepada yang kecil dan menghormati yang tua, melapangkan tempat ketika di dalam mana-mana majlis perhimpunan ramai. Janganlah saudara mengintai-ngintai atau mengumpat-ngumpat; jangan menceroboh bahkan hendaklah saudara terlebih dahulu meminta izin ketika hendak masuk ke satu-satu tempat dan begitu juga ketika hendak keluar dan sesuatu tempat.

(24) Hendaklah saudara meminta hak saudara dengan cara yang baik dan hendaklah menunai hak orang lain dengan sepenuhnya dengan tidak payah dituntut dan dengan tidak lengah-lengah lagi.

24. Yang Keenam: Untuk Gerakan Dakwah Saudara:

(25) Hendaklah saudara melepaskan diri daripada berhubung dengan sebarang badan atau kumpulan yang tidak memberi faedah kepada pergerakan Dakwah kita terutama jika saudara disuruh berhubung dengan badan-badan atau kumpulan-kumpulan seperti itu.

(26) Hendaklah saudara sedaya upaya berusaha menghidupkan adat-adat yang bercorak Islam dan sebaliknya memerangi adat-adat dagang dalam semua lapangan hidup. Di antara adat-adat ini ialah cara-cara memberi hormat, bertutur bahasa, bahasa itu sendiri, sejarah, pakaian dan masa-masa bekerja (office hours).

(27) Hendaklah saudara tidak menonjolkan diri (iaitu memulau) apa jua mahkamah "bukan Islam"; iaitu dengan jalan saudara tidak berhakimkan kepadanya kecuali jika terpaksa; begitu

juga saudara janganlah pergi ke kelab-kelab yang bukan Islam, akhbar-akhbar, kumpulan-kumpulan, sekolah-sekolah dan badan badan serta perbadanan-perbadanan yang menentang ideology Islam. Pemuluan ini hendaklah saudara lakukan dengan cara yang bersungguh-sungguh.

(28) Hendaklah saudara kenal siapa dia anggota anggota “Cawangan” yang saudara sendiri berada di dalamnya; saudara hendaklah kenal mereka itu tiap-tiap seorangnya dengan kenalan yang penuh dan di samping itu saudara pula hendaklah memperkenalkan diri saudara kepada mereka dengan sejelas-jelasnya sambil menunjukkan bahawa saudara benar-benar merasai kasih sayang, penghargaan, sanggup bertolong tolongan; dan saudara hendaklah membuktikan bahawa saudara mengutamakan kepentingan mereka ke atas kepentingan din saudara sendiri. Saudara janganlah tidak menghadiri majlis mereka itu kecuali dengan sebab-sebab yang sangat memaksa dan tidak dapat dielakkan sama sekali. Tegasnya, saudara hendaklah membuktikan di dalam mu’amalah sehari-hari bahawa saudara betiar-benar mengutamakan mereka ke atas din saudara sendiri dan menunjukkan kasih sayang saudara kepada mereka sepanjang masa.

(29) Hendaklah saudara menyumbangkan sedikit dan harta punya saudara untuk pergerakan Dakwah kita ini, dan janganlah lupa mengeluarkan zakat yang wajib. Seboleh-bolehnya hendaklah saudara menguntukkan sedikit dan harta punya saudara itu untuk menolong pengemis-pengemis dan orang-orang yang terputus rezeki walaupun pendapatan saudara sendiri amat kecil.

(30) Hendaklah saudara bekerja untuk menyiarkan seruan Dakwah Ideology kita ini pada segenap telok dan rantau; dan juga hendaklah saudara corakkan rumah tangga, keluarga dan sesiapa jua yang berhubung dengan saudara dengan corak keislaman. Hendaklah saudara memberitahu suasana yang mengelilingi diri saudara kepada Pucuk Pimpinan. Dan hendaklah saudara sentiasa berhubung rapat dengan Pucuk Pimpinan dan segi jiwa dan amalan malah saudara hendaklah terlebih dahulu meminta persetujuan mereka dalam setiap langkah yang penting di samping menganggap diri saudara sendiri sebagai seorang askar yang sentiasa di dalam keadaan “siap sedia” dan hanya menunggu perintah untuk bertindak.

25. Yang Ketujuh: Untuk Tuhan Saudara:

(31) Hendaklah saudara jangan terputus dan mengawasi Allah tabaraka wa-ta’ala. Sentiasalah berniat ikhlas kerana Allah dalam sebarang pekerjaan. Saudara hendaklah sentiasa beningatingat serta bersedia untuk ke Akhirat; iaitu dengan jalan beramal dengan ibadat-ibadat yang Sunnah untuk menghampirkan diri kepada Allah; hendaklah saudara membanyakkan zikrullah dalam semua hal serta berdoa dengan doa-doa yang ma’tsur yang pernah diamalkan oleh Rasulullāh dalam setiap keadaan.

(32) Hendaklah saudara mengamalkan wirid -wirid yang khas bagi Ikhwan Muslimin dan janganlah saudara mengecualikannya melainkan sebab satu-satu keadaan yang cemas dan memaksa.

(33) Hendaklah saudara memelihara kebersihan samada tentang perkara-perkara yang nyata maupun perkara perkara ma’anawi; dan seboleh-bolehnya hendaklah saudara sentiasa berada di dalam keadaan berwudhu.

(34) Hendaklah saudara tahu sembahyang dengan betul dan menunaikannya pada waktu-waktunya yang di tentukan, dan seboleh-bolehnya hendaklah saudara selalu ke majlis dan berjama’ah di sana.

(35) Hendaklah saudara berpuasa pada bulan Ramadan dengan baiknya.

(36) Hendaklah saudara menunaikan fardu Haji jika mampu; akan tetapi jika belum mampu, maka hendaklah saudara bekerja untuknya dan sekarang lagi.

(37) Hendaklah saudara sentiasa membaharui taubat dan isti’ghfar meminta ampun kepada Tuhan. Saudara hendaklah menjauhkan diri daripada segala dosa — bukan sahaja dosa-dosa besar tetapi juga hatta dosa-dosa kecil pun hendaklah saudara jauhinya.

Hendaklah saudara menjaga masa kerana masa itu adalah umur saudara; oleh itu hendaklah saudara menjauhkan diri daripada perkara-perkara subahat iaitu perkara-perkara yang samar-samar hukumnya supaya dengan menjauhkan diri daripadanya saudara tidak terjatuh ke dalam perkara-perkara yang haram.

(38) Hendaklah saudara melawan diri sendiri dengan sehebat-hebatnya supaya mudah saudara memimpin diri sendiri. Kawalilah mata dan perasaan hati sendiri, dan kuasailah desakan-

desakan kemahuan semulajadi di dalam diri saudara dan halakanlah semuanya itu kepada perkara-perkara yang halal lagi baik. Elakkan diri daripada apa jua perkara yang haram walau apapun jua coraknya.

26. Dan Untuk Semuanya Tadi:

(39) Hendaklah saudara sentiasa berada di dalam keadaan niat berjihad dan untuknya sedaya upaya.

(40) Sebelum tidur hendaklah saudara menguntukkan masa selama satu jam untuk menyoal diri sendiri tentang sejauh.mana dan sebanyak mana saudara menunaikan kewajipan ini? Jika saudara dapati jawapannya baik maka bersyukurlah kepada Allah; akan tetapi jika saudara dapati kekurangan maka pintalah ampun kepada Allah dan bertaubatlah kepadaNya, malah hendaklah saudara pinta pertolongan daripadaNya kerana Allah itu sebaik-baik Pengawal dan sebaik-baik Pembantu.

## **SEPULUH WASIAT**

Bacalah — Renungilah — Kemudian

Terus Beramal

(1) Apabila saudara mendengar azan, maka bangunlah sembahyang serta merta walau bagaimana keadaan sekalipun.

(2) Bacalah al-Quran, atau tatapilah buku-buku, atau pergilah mendengar perkara-perkara yang baik ataupun. amalkanlah zikrullah, dan janganlah sama sekali saudara membuang masa walau sedikit pun dalam perkara yang tidak berfaedah.

(3) Berusahalah seberapa daya upaya untuk bertutur dalam Bahasa Arab yang betul; kerana Bahasa Arab yang betul (itu, adalah satu-satunya syiar Islam).

(4) Janganlah banyak bertengkar dalam apa-apa perkara sekalipun kerana pertengkaran kosong itu tidak memberi sebarang apa pun jua kebaikan.

(5) Janganlah banyak ketawa kerana hati yang sentiasa berhubung dengan Allah itu sentiasa tenang lagi tenteram.

(6) Janganlah bergurau kerana umat yang sedang berjuang itu tidak mengerti melainkan bersungguh sungguh dalam setiap perkara.

(7) Janganlah saudara bercakap lebih nyaring daripada kadar yang dikehendaki oleh para pendengar kerana percakapan yang nyaring begitu adalah suatu resmi yang sia-sia malah menyakiti hati orang.

(8) Jauhilah daripada mengumpat-ngumpat peribadi orang, mengecam pertubuhan-pertubuhan, dan janganlah bercakap melainkan apa-apa yang boleh memberi kebajikan.

(9) Berkenal-kenalanlah dengan tiap-tiap saudara Ikhwan Muslimin yang saudara bertemu dengannya sekalipun ia tidak meminta saudara berkenal; kerana asas gerakan Dakwah kita ialah berkasih sayang dan berkenal-kenalan.

(10) Kewajipan-kewajipan kita lebih banyak daripada masa yang ada pada kita; oleh itu tolonglah saudaramu sendiri tentang cara-cara bagaimana hendak mengguna masa dengan berfaedah dan jika saudara mempunyai tugas sendiri maka ringkaskanlah pelaksanaannya.

## **PESAN TERAKHIR**

Wahai MUJAHID DAKWAH!

Puluhan tahun lamanya, pendengaran, pergaulan, ketekunan, kegiatan berjuang, kerana jerih payah dan pembantingan tulang yang tiada hentinya, engkau telah kaya dengan pengalaman.

Engkau sekarang telah jadi.

Engkau telah memiliki pengertian dan ukuran, engkau telah turut menentukan jarum sejarah seperti orang lam.

Engkau telah sampai pula ke batas sejarah, kini dan nanti.

Engkau telah memenuhi hidupmu dengan tekun dan sungguh, ikut memikul yang berat menjinjing yang ringan, membawa batubata untuk membangun gedung Ummat ini.

Engkau tebus semua itu dengan cucuran keringat dan airmata, kesengsaraan dan penderitaan.

Kawan hidupmu yang menyertaimu dalam segala suka dan duka, telah tak ada lagi.

Ia tak sempat menghantarmu sampai ke batas perhentian. Tengah jalan dia pulang, dan engkau ditinggalkannya di daerah kesepian.

Di atas kuburnya telah tumbuh rumput, daunnya subur menghijau.

Bunga suci aku lihat tumbuh pula di atas pusara sepi itu.

Tangan siapa gerangan yang menanamnya, aku tak tahu.

Biarkan dia tumbuh menjadi. Akan tiba juga masanya bunga suci itu mekar-mengumtum.

Eva dan Sofia akan memetik dia kelak, akan mempersunting dia penghias sanggulnya.

Sudikah engkau menulis nisan-kenangan di atas kuburnya, sebagai tanda pembalas jasa, kerana dialah tolan penolong engkau di medan bakti?

Wahai MUBALIGH ISLAM!

Tanganmu telah ikut menulis sejarah. Sejarah perjuangan Umat, sejarah menegakkan Cita dan Agama, Benang yang engkau sumbangkan telah memperindah sulaman tarik dari Umat ini.

Engkau kini telah menemui bentukmu, sesuai dengan bakat dan kudratmu.

Engkau tidak lagi anak kemarin, tetapi anak kini dan akan pulang lagi meninggalkan bengkalai ini.

Sebagai seroang Jurubicara Umat Islam, engkau telah mempunyai ukuran dan alat penilai; sampai di mana kita dan hendak ke mana lagi. Pengalaman yang engkau perolehi dan perjalanan yang jauh, akan berguna dan bermakna dalam mencari kemungkinan bagi langsungnya prijuangan Cita ke depan.

Keyakinan yang engkau miliki, jalan panjang yang engkau tempuh selarut selama ini, getir yang engkau derita, segala itu dapat engkau pakai untuk merumuskan bagaimana lagi perjuangan Umat Islam ke depan — setelah ini.

Paparkanlah semua itu kepada generasi muda yang akan mengganti engkau!

Ambillah kesimpulan dan kekeliruan dan kegagalan masa lampau.

Belajar dari masa lalu, terutama belajar dari kekeliruan dan kegagalan yang engkau alami sendiri, dan teman seiringmu juga.

Bukankah kerap engkau benar dalam pendirian tapi salah dalam perhitungan?

Benar dalam prinsip tapi keliru dalam cara? Kejujuran dalam perjuangan memesankan, agar kita mengakui terus terang kekeliruan dan kelemahan diri. Yang demikian itu penting untuk menyusun paduan masa datang, mengendalikan kehidupan Cita dan Agama.

Dalam kekeliruan, kita dapat mengambil makna dan guna.

Kita keliru kerana kita telah berbuat. Ruh-intiqadi yang engkau miliki, janganlah pula engkau pakai untuk melenyapkan segala harga dan nilai, dan angkatan lama yang telah berbuat itu. Mereka adalah anak dan zamannya, dan telah memenuhi tugasnya pula.

Cahaya dan pelita lilin yang lemah serta lembut itu perlu juga dihargai, kerana ia teiah berjasa memecahkan sudut-sudut yang gelap.

Wahai si JURU DAKWAH!

Kini engkau telah sampai ke tonggak sejarah. Di atas pendakian sunyi tidak kesibukan, terletak pesenggaran lama, patilasan orang lalu setiap waktu. Dan tempat itu hidup kenangan lama. Masa lalu penuh keharuan dan kenangan.

Duri dan derita, dera dan kepapaan, keringat dan airmata.

Tapi ia indah dalam kenangan dan lukisan kalbu. Engkau pandanglah masa depan dengan Basyirah, dengan horizon yang tajam.

Memanjang jauh ke muka, sampai ke kaki langit.

Tahukah engkau, bahawa engkau hanyalah sebuah mata dan rantai sejarah yang panjang itu? Telah lalu beberapa kafilah dan kehidupan yang sayup, dan mereka telah berbuat sesuai dengan zamannya. Sungai airmata dan titisan darah sepanjang jalan yang membentang dan pangkal hingga ke hujung yang tidak kelihatan, adalah kalimat yang memberitakan, bahawa angkatan silam telah mengembangkan sayap kegiatan mereka dengan segala kesungguhan dan kepenuhan. Romantik dan heroik zaman silam masih menggemakan gentasuara di tengah sahara kekinian, meninggalkan pesan kehidupan yang penuh dan menyeiuruh kepada angkatan kemudian.

Daftar para Syuhada' itu telah panjang, dan dalam perut bumi telah memutih tulang sebagai saksi kepada yang hidup, bahawa mereka telah datang dan telah pulang tidak sia-sia.

Dan celah-celah kuburnya kedengaran jua suara halus memuat amanat perjuangan kepada generasi kita yang masih hidup.

Dan lihatlah pula kafilah hidup yang sudah mendesak juga ke batas perhentian.

Masa kini rupanya "lah laruik sandjo" bagi mereka, dan waktu pamitan tak lama lagi

Wahai si TUKANG SERU!

Emtah berapa lagi jatah umar engkau yang masih tinggal, kita tak tahu.

Tahukah engkau, pekerjaan besar ini tidak akan selesai di tangan engkau?

Sejarah berjalan terus, lampau dan datang, kini dan nanti.

Tahukah engkau, bahawa dibelakang kalimat sejarah itu belum ada titik?

Masa yang akan datang penuh rahsia, tersimpan dalam kandungan ghaib, misteria gelap bagi kita. Masa silam dapat engkau baca dalam halaman sejarah; masa yang akan datang masih gelap tak ada yang tahu? Tahukah engkau, kumandang zaman datang dapat juga kita ketahui dan puncak zaman sekarang? Dalam kekinian mengandung juga roman zaman yang akan tiba.

Engkau kini berada di antara dua ufuk yang bertentangan, dua kutub yang tidak serupa. Engkau kini berada antara idealisme dan realisme dunia.

Idealisma yang engkau miiki dan realisme dunia yang engkau hadapi.

Antara kedua kutub itu engkau tetap dalam lensa sorotan. Lensa sorotan sejarah yang berjalan terus dan sentiasa.

Sanggupkah engkau lalu di tengah-tengah dua kutub yang bertentangan ini?

Masih kuatkah kaki engkau berjalan di antara dua dunia yang saling bertentangan itu?

Wahai MUSAFIR yang sedang lalu!

Jalan ini masih panjang, rantau masihjauh!

Dengan Al-Quran ditangan kanan dan kain kafan di tangan kiri, teruskanlah peijalanan ini.

Berjalan dan melihat ke muka, menggunakan sisa umur yang masih ada.

Entah bila akan sampai ke tempat perhentian, engkau tak tahu, — aku pun tidak.

Di tengah laut lepas dan luas, pencilang ramping itu telah jauh ke tengah.

Awan menyerang kiri dan kanan, gelombang mengganas dan badai menghempas.

Pencilang ramping itu naik turun mengikut amukan air. Jurumudi mendapat ujian.

Berpirau melawan arus, pesan seorang pemimpin, dijadikan pedoman dalam hati.

Kemudi dan pimpinan bertanggungjawab atas ke selamatan pelayaran ini.

Kini kita telah jauh berada ditengah. Pelabuhan tempat bertolak tiada kelihatan lagi, sedang ranah-tanah tapi belum jua tampak.

Wahai MUJAHID ISLAM!

Akhirnya pelayaran ini sampai juga ke pantai, berkat jurumudi yang piawai memegang pimpinan. Engkau dan Umat ini kini harus berjalan kaki, menggunakan tenaga diri sendiri.

Tak ada tolan penolong selain Dia semata, yang melindungi kita dan awal mula sampai hari ini.

Jalan masih panjang, rantau Cita masih jauh. Ufuk-ufuk baru kelihatan juga, tambah dijelag tambah jauh rasanya.

Kafilah itu lalu dan berjalan terus, menempuh laut sahara tiada bertepi.

Sunnah perjalanan alam membawa kata pasti: setelah malam kelam negeri ini fajar pagi yang indah akan menyingsing.

Di atas asap yang tebal, terbentang langit cerah yang biru.

Gelap dan gelita alam, lapisan kabus tebal dan berat. Di halaman langit tak ada bintang.

Berfikirilah sejenak dan melihatlah ke atas ada sebutir terang mengirimi sinar ke bumi.

Sebuah bintang itu jadilah, kerana ada pedoman bagi kafilah di tengah sahara luas.

Pelaut yang arif selalu mendapat alamat dan sebutir terang di halaman langit.

Wahai UMAT RISALAH!

Dengarlah suara Bilal bergema dan ufuk ke ufuk!

Dengarlah seruan azan bersahut-sahutan dan Menara ke Menara!

Renunglah suara Takbir berkumandang di mana mana, memanggil Umat ini dengan kalimat sakti: Hayya 'alah Syalah! Hayya 'ala! Falah! Marilah Sembahyang, marilah Menang!

Engkau pandanglah Umat Jama'ah itu berdiri bersyaf-syaf di belakang seorang Imam, Ruku' dan Sujud bersama-sama.

“Suatu pandangan dari udara atas dunia Islam pada saat sembahyang, akan memberikan pemandangan dan sejumlah lingkaran konsentrasi yang terdiri dari kaum Muslimin, dengan jarinya yang bertitik-pusat di Ka'bah di Mekah, dan yang terus mengambil tempat yang lebih luas, dan Sierra Leone sampai ke Kanton dan dan Toboisk sampai Tanjung Pengharapan”, — demikian Philip K. Hitti melukiskan kaum Muslimin dikala menyembah Tuhannya. (1).

Engkau lihatlah mereka di dalam Masjid yang sudah tua tidak terurus, surau yang hampir roboh kerana tekanan masa, dengan sepi di tengah sawah; dengan pakaian yang compang-camping dan tenaga lemah, masih berdiri menegakkan Splat. Kaum Muslimin itu masih tetap melakukan 'ibadah kepada Tuhannya, memanjatkan doa ke hadrat Ilahi semoga segera datang tangkisan ghaib dan udara menolong kaum yang lemah.in

Wahai Tuhanku, kalaulah adalah di antara Umat ini yang berhak menerima Ridha dan Ma'unahMu, — kalau adalah di antara Umat ini yang berhak menerima bantuanMu, mereka itulah dia!

Mereka yang berhak menerima gemilang sayang Mu

dan arahan Rahim Mu: menegakkan yang lemah, mengangkat kaum yang tertindas!

Wahai UMAT DAKWAH!

Amanat perjuangan itu kini jatuh ke tangan kaum yang lemah Dhu'afa dan Fuqara; tenaga lemah dan dana tak ada.

Di tangan kaum yang lemah itu tersimpan kekuatan Umat ini. Rahsia kejayaan dan kemenangan, bulat seluruhnya dalam genggamannya mereka.

*Innama tunsyaruna wa turzaquna bidlu 'afaikum! (Hadis).*

Kamu akan mendapat kemenangan hanya dengan bantuan kaum yang lemah di antara kamu.

Bimbinglah tangan Umat ini kembali, bawa mereka ke jalan yang benar!

Jangan dibiarkan Umat ini ditelan kesepian; jangan dibiarkan Umat ini ditakuti oleh hantu-kesangsian, tanpa pimpinan.

Hidupkan terus api idealisme dan kembangkan sentiasa optimisma dan enthousiasme. Sinarkan apatisme dan fatalisme, lenyapkan defaitisme, menyerah kepada keadaan atau menjadi budak dan kenyataan!

Denyutkan kembali jantung Umat ini!

Wajarkan kembali aliran darah Tauhid mereka!

Tuhan telah menjanjikan kurnia dan bantuan kepada kaum yang lemah, kaum yang tertindas di bumi.

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ (56)

*“Dan Kami hendak menumpahkan budi atas mereka yang ditindas di bumi, dan Kami hendak menjadikan mereka Pemimpin, dan Kami hendak menjadikan mereka mewarisi bumi. Dan Kami hendak meneguhkan kekuasaan untuk mereka di bumi.”*

Al Qashash: 516.

Wahai UMAT PILIHAN !

Kamu adalah kaum Muslimin, nama pilihan dan panggilan kehormatan yang diberikan Tuhan dan dahulu sampai hari ini.

Kamu bukanlah golongan “mustalimin” kaum yang menyerah — kalah kepada kenyataan.

Sebagai Umat yang beriman, hadapi kenyataan hidup ini dengan kesedaran dan keinsafan, kewaspadaan dan keperwiraan.

Hadapilah kenyataan di bumi dengan ketenangan jiwa dan keyakinan hidup!

Hanya dengan ketenangan jiwa dan keyakinan hidup, hanya dengan Sakinah dan Muthamainah itulah kamu bermakna dan berguna hidup di tengah-tengah manusia di dunia.

Hanya dengan ‘Aqidah yang kuat dan qa’idah yang jelas, kamu dapat menempuh kehidupan ini.

Hanya dengan Wjihah hidup yang tegak dan khithah perjuangan yang cerah serta terang, kamu dapat membawa Umat ini ke tepi ufuk ke Ridhaan Ilahi. Tegakkan ‘Aqidah Islamiah dalam dada Umat, subur kan “Ibadah!”

Susun Umat ini dalam pola Jama’ah menurut tauladan Sunnah, akhini Firqah!

Jama’ah adalah kekuatan dan kesatuan; Firqah adalah kelemahan, remuk dan kehancuran.

Hamparkan kembali tikar Ukhwah Islamiah dan Ukhwah Imaniyah di kalangan Umat Islam ini, tanamkan Mahabbah dan Marhamah!

Wahai ANGKATAN KINI!

Tak lama lagi engkau akan kembali pulang, memberi laporan kepada Tuhan, mempertanggungjawabkan segala amal, jasa dan karyamu di dunia. Tinggalkan bengkalai ini kepada generasi muda yang akan datang pengganti.

Hidupkan dinamik dan militansi muda Islam, yang akan menggantikan kamu setelah kamu tak ada, yang akan meneruskan pekerjaan yang belum selesai ini. Janganlah kamu hendak hidup seperti pohon beringin besar, yang ingin hidup sepanjang abad, dan tidak memberi kesempatan kepacla tunas-tunas baru tumbuh dan menguntum di sekeliling.

Risalah dan Amanah ini tidak akan selesai di tangan engkau sendiri.

Susun dan sediakan Tenaga Baru, yang berbakat dan berkarekter, yang akan melanjutkan perjuangan ini dengan segala keyakinan dan keperwiraan.

Tahukah engkau, salah satu sebab dan kelemahan Umat Islam ialah tiadanya atau kurangnya kadar yang berwatak, kadar pemikir dan pejuang yang sanggup menggantikan angkatan lama? Tulang dan tenagamu yang sudah semakin lemah, jatah umurmu telah semakin kurang memesankan kepadamu supaya mencari ganti dihari kini.

Patah tumbuh hilang berganti; jangan ada “vacuum” pimpinan atau fathrah pedoman kelak terjadi di kalangan Umat Islam.

Wahai ANGKATAN BARU!

Siapkanlah dirimu untuk menggantikan angkatan tua, mereka akan pulang takc lama lagi. Janganlah engkau menjadi *pemuda kecapi suling*, yang bersenandung meratapi tepian yang sudah runtuh, mengenangkan masa silam yang telah pergi jauh. Janganlah engkau membuat kekeliruan lagi seperti pernah dilakukan oleh angkatan yang engkau gantikan. Teruskan perjalanan ini dengan tenaga dan kakimu sendiri. Dada bumi cukup luas untuk menerima kehadiranmu.

Penuhilah segenap udara ini dengan kegiatan dan ketekunan, sungguh dan penuh.

Hadapilah tugas mahaberat ini dengan jiwa besar, dengan dayajuang api semangat yang nyalanya kuat dan keras.

Pupuklah Ruhul-Jihad, semangat revolusioner, radikal dan progressif dalam jiwamu, dan bertindaklah sebagai laki-laki dengan perhitungan yang nyata dan pertimbangan yang matang.

Perkayalah dirimu dengan meneladan kepada masa silam, di mana ada yang rebah dan ada yang bangun, ada yang jatuh dan terus berdiri lagi. Kamu tidak boleh menjadi “plagiator” dan angkatan lama, dan tidak boleh pula menepuk dada serta meniadakan segala harga dan nilai, jasa dan karya dan angkatan lama.

Mereka kaya dengan pengalaman, engkau kaya dengan cita-cita.

Padukanlah pengalaman angkatan lama dengan nyala citamu!

Sejarah ini telah lama berjalan bergerak dan berkembang. Kamu hanyalah tenaga penyambung menyelesaikan bengkalai yang belum selesai. Meneruskan pekerjaan besar, sundut bersundut, dan keturunan yang satu kepada keturunan yang lain, angkatan kemudian angkatan.

Kafilah hidup ini adalah ibarat gelombang di lautan; menghempas yang satu, menyusul yang lain; memecah yang pertama datang yang kedua.

Sedarilah posisi dan fungsimu dalam sejarah, dan lakukanlah tugas suci ini dengan pengertian, keyakinan dan kesabaran!

Insafilah kedaulatanmu sebagai Pemuda Angkatan Baru, yang hendak menggantikan manusia tua angkatan lama. Tidaklah sama dan serupa antara kedua angkatan zaman itu, kerana sejarah berjalan sentiasa menurut hukum dinamika dan hukum dialektika.

Wahai UMAT QURAN!

‘Aqidah dan Wjihah hidupmu menyuruh engkau tampil ke depan, mengkutbahkan, “Suara Langit” di bumi. Isilah fungsimu dengan kegiatan dan kesungguhan; jalankan Amanat ini dengan segala kepenuhan dan ketekunan.

Dunia dan Kemanusiaan menunggu pimpinan dan bimbinganmu. Bumi menantikan “Cahaya Langit” yang mampu menyapu kegelapan.

Jaga dan peliharalah jangan sampai “jambatan” ini runtuh, agar hubungan Bumi dengan Langit tidak patah atau terputus.

### **(1) Qum, Faanzir !**

Bangkit dan berdirilah, susun barisan dan kekuatan. Barisan dan kesatuan Umat.

Canangkan seruan dan ancaman. Seruan kebenaran dan ancaman kebinasaan jika menolak atau menentang kebenaran. Gemakan sentiasa Kalam Ilahi, kumandangkan selalu suara dan seruan kebenaran.

Sampai peringatan ini ke kuping segala Insan! Gempitakan kepada dunia dan kepada manusia ajaran agama Tauhid, ajaran Cita dan Cinta.

### **(2) Worabbaka fakabbir**

Besarkan Tuhanmu, di atas segala! Tiada kebenaran yang menyamai KebesaranNya. Tiada kekuasaan yang menyamai KekuasaanNya. Tiada urusan atau kepentingan yang lebih dan urusan dan kepentingan menjalankan perintahNya. Kecil semuanya dihadapan Allahu Akbar. Fana, lenyap dan binasa segala dalam ke BaqaanNya. Tiada ketakutan selain dan lazab, siksaNya yang akan menimpa.

Tiada harapan selain dan ke RidhaanNya belaka. Tiada kesulitan apabila ruh telah bersambung dengan Maha Kebesaran dan Maha Kekuasaan Tuhan yang Tunggal itu.

### **(3) Wathiabaka fathahir!**

Bersihkanlah dirimu, lahir dan batinmu! Hanya dengan kesucian ruh jua Amanah dan Risalah ini dapat engkau jalankan.

Risalah dan Amanah ini adalah suci. Dia tidak boleh dipegang oleh tangan yang kotor, jiwa yang berlumur dosa dan noda.

Hanyalah dengan kesucian ruh engkau dapat memikul tugas dan beban berat ini.

Sucikanlah dirimu, lahir dan batin, baru engkau ajar manusia menempuh tugas dan beban berat ini.

**Thahirum muthahir** suci dan mensucikan, itulah peribadi Mukmin yang sejati.

Tangan yang berlumur darah maksiat tidak mungkin akan berbuat khairat kepada dunia dan manusia. Jiwa yang kotor dan penuh dosa tidak mungkin akan memberikan isi dan erti dunia dan manusia.

#### **(4) Warrujza fahjur !**

Jauhilah maksiat, singkiri mungkarat! Dosa itu akan menodai dirimu, akan menghitamkan wajah riwayatmu.

Engkau tidak akan sanggup menghadap, jika mukamu tebal dan hitam dengan dosa dan maksiat, Namamu akan cemar dihadapan Rabbi, kalau laranganNya tidak engkau singkiri dan jauhi.

Bersihkanlah keluargamu, jiran dan tetanggamu, masyarakat bangsamu dan maksiat dan mungkarat dan dosa dan noda.

Bangsa dan Negaramu akan karam-tenggelam dalam lembab kehancuran dan kebinasaan, jikalau maksiat dan mungkarat telah menjadi pakaiannya. Makruf yang harus tegak dan mungkar yang harus roboh, adalah program perjuanganmu. Al-Haq yang mesti dimenangi dan bathil yang harus dibinasakan, adalah acara dan jihadmu.

#### **(5) Wala tumnun tastakthir'**

Janganlah engkau memberi kerana harapkan balasan yang banyak!

Jalankan tugas ini tanpa mengharap balasan dan ganjaran dan manusia ramai.

Menjalankan tugas adalah berbakti dan mengabdikan, tidak mengharap balasan dan pujian, keuntungan benda dan material.

Kekayaan manusia tidak cukup untuk "membalas" jasmu yang tidak ternilai itu. Bukankah tanpa engkau, masyarakat ini akan kering dan ketiadaan Iman, kepercayaan dan, pegangan?

Bukankah tanpa engkau, masyarakat ini lenyap ditelan kesepian, tiada suluh dan pelita? Bukankah tanpa engkau, hidup ini akan kerdil; hidup kehampaan dan segala kehampaan, kerana tiada Iman dan Agama?

Kalau tidak adalah "penyuluh-penyuluh" baru datang ke dunia seperti engkau, alam ini seluruhnya akan tenggelam dalam kegelapan, kesepian dan kehampaan.

Jalankan tugas ini kerana hanya mengharap ke Ridhaan Tuhanmu jua.

#### **(6) Walirabbika fasybir !**

Kerana Tuhanmu, hendaklah engkau sabar!

Lakukanlah tugas dan kewajipan ini dengan segala kesabaran dan ketahanan.

Sabar menerima musyibah yang menimpa, ujian dan percubaan yang datang silih berganti. Sabar menahan dan mengendalikan diri, menunggu pohon yang engkau tanam itu berpucuk dan berbuah.

Tidak putus asa dan hilang harapan atau kecewa melihat hasil yang ada kerana tidak seimbang dengan kegiatan dan pengorbanan yang diberikan. Hanya Ummat yang sabar yang akan mendapat kejayaan sejati dan kemenangan hakiki. Hanya Ummat yang sabar yang akan sampai kepada tujuan.

#### **Haza dzikrun!**

Inilah enam peringatan dan enam arahan!

Untuk Mujahid Dakwah. Syahibud Dakwah, si Tukang Seru.

Bukankah tanpa engkau, masyarakat ini lenyap ditelan kesepian, tiada suluh dan pelita? Bukankah tanpa engkau, hidup ini akan kerdil; hidup kehampaan dan segala kehampaan, kerana tiada Iman dan Agama?

Kalau tidak adalah “penyuluh-penyuluh” baru datang kedunia seperti engkau, alam ini seluruhnya akan tenggelam dalam kegelapan, kesepian dan kehampaan.

Jalankan tugas ini kerana hanya mengharap ke Ridhaan Tuhanmu jua.

## **SIKWA DAN JAWABI**

### **SIKWA**

1. Dunia gelap dan gulita

Yang kuasa hanya patung dan berhala

Buatan tangan sipenyembah itu

Daripada kayu dan batu

Filsafat Yunani tak berpengaruh lagi

Hukum Rumawi telah bangkrup dan rugi

Hikmat benua Cina telah padam lena;

Tetapi bahu Muslimin kuat

Telah membungkar ilhad, dan seluruh jagat Telah memancarkan sinar baru, Tauhid dan Ijtihad

2. Diwaktu itu

Ya Ilahil kebun kebun didalam alam telah kehilangan nyanyi

Dan kembang tidak lagi menyebarkan harumnya

Kalau ada angin menderu, hanyalah pancaroba

Kalau suara terdengar hanyalah suara dan guruh tuhur;

Sampai datang utusan Tuhan dinegeni Mekah itu

Dia adalah ummi - telah mengajar isi bumi

Akan arti kehidupan langit

Dia telah menunjukkan kepada isi alam

Apa artinya fana' dalam menuju yang baqa

Maka kamilah yang harum dalam kebun itu

Kami hapuskan tanda kegelapan malam

Dengan sinar cahaya subuh

Sehingga Iman kami telah laksana kegilaan dan

orang yang asyik

Kami hadapi seluruh kemanusiaan, Ya Tuhan dengan Nur

Dalam saat yang singkat, selonjak bola melayang Untuk mengenal Kebenaran, Cahaya dan Keindahan Dunia dikala itu telah penuh oleh bangsa-bangsa dan kerajaan Saljuki, Turani dan Cina Ada kerajaan Bani Sasan

Ada peninggalan Ruma dan Yunan Maka kami kibarkan bendera Tauhid

Kami kumpulkan segala anak manusia dan turunannya demi turunan

Dalam satu kekeluargaan; Percaya akan diKau, mentauhidkan Engkau

Kami perbaiki yang rosak, kami tegakkan yang condong

Kami pun berjuang didarat dan dilaut Menggetar suara azan kami ditempat-tempat menyembah diEropah

Berbekas sujud kening kami dipasir Sahara Afrika Kami tidak takut pada Kaisar, atau kekuasaan adikara,

Atau kemarahan raja-raja

Kami pendengarkan kepada alam, seluruhnya

Kalimat Tauhid

3. Tak ada lagi kekayaan kami yang tinggal, Ya Rabbi

Kecuali satu, iaitu kemiskinan

Tak ada lagi kekuatan kami yang tinggal, Ya Rabbi

Kecuali satu, iaitu kelemahan; padahal

Jika Muslim tak ada lagi didunia

Dunia itu sendiri pun akan hilang hancur

Kami memohon Baqa didunia ini

Kerana ingin Fana, dalam cinta akan diKau

4. Kesetiaan Siddiq, keadilan Umar, musyaf Othman Taqwa Ali, kejujuran Salman

Keindahan suara Bilal didalam azan Semuanya masih tetap kami simpan, dihati yang am

Didalam keteguhan Iman dan penyerahan bulat bulat

Bangunkanlah Ya Rabbi kami kembali

Dengan itu suara genta yang pertama kali

Telah Engkau bangunkan Agama ini mulanya dipuncak Faran

Maka terangilah hati siasyik ini dengan hembusan Iman

Bakar habis cintakan dunia

Dengan cetusan api cinta Mu

#### **JAWABI SYIKWA:**

1. Telah kami hamparkan tikar kurnia

Tapi, siapakah yang datang bertanya?

Telah kami rentangkan jalan raya kemuliaan

Tapi, siapakah yang terlengkup untuk melaluinya

Sungguh cahayanya telah kami pancarkan dan

Fitrat

Tetapi permata tidak menyambut sari cahaya dirinya

Seakan akan sejempit tanah ini, tidak terjadi Dari tanah Insaniah yang pertama di tempa.....

2. Benarkah kamu telah bersedia dizaman baru

Menjadi Abid Allah tentera Muhammad

Dan menjadi permata berlian menyinar cahaya dan

Agama ini?

Mana boleh, pelupuk mata mu telah berat

Buat menyambut cahaya subuh dengan takbir

salatmu dan rintihan hidup mu.

Seakan-akan perangaimu telah turut tidur dengan

pelupukmu

Apakah bedanya terang siang dengan gelap malam

Bagi orang yang tidur mendengkur ditengahhari?

Bukanlah Ramadhan tidak mengikut kemerdekaanmu

Tidak memutar belitkan kebudayaanmu. Wahai umat bercakap terus teranglah, inikah yang namanya setia

Kepada sejarahmu yang lampau dari agamamu? Ujudnya suatu kaum adalah kerana ujud agamanya Agama pada suatu umat adalah tulang Punggung tempat ia berdaulat.

Kalau agamanya telah pergi Agamalah yang telah menyusun jadi satu barisan Kalau tak ada sandar menyandar, di antara bintang dan bintang

Tidaklah terbentang suasana indah di langit Maka bulan pun taklah akan sanggup memancarkan keindahan sinar

3. Lihatlah Masjid Allah,

yang meramaikannya hanyalah orang-orang miskin Mereka hanya yang puasa, mereka yang sembahyang Merekalah yang abid, merekalah yang berzikir Merekalah yang menutup malumu sekalian di hadapan mata dunia

Adapun yang kaya mabuk dalam kelalaian dan menolak seruan

Adalah suatu hal yang menghairankan Bahawa agama itu yang masih suci, masih teguh binaanya

Kerana nafas orang yang kafir Kekuatan semangat tak ada lagi dalam susunan katamu yang telah basi

Ajaran yang telah diberikan tidak lagi menarik hati

Kalaulah tidak ruh Bilal yang masih ada didalamnya

Azan itu sendiri pun telah kehilangan keindahannya

Mesjid mu telah mati kerana kekurangan saf-saf

Mihrab dikerut lawah kerana kematian Iman

Mimbarmu berlumut dan menimbulkan jemu

Khatib dihantarkan kesana dengan pedang dan pada kayu

Tetapi rumahmu? Rumahmu penuh dengan alat kebanggaan

Dengan pangkat dan gelar-gelar,

Tun tan sri, dato' dan lain-lain

Aku tak berjumpa Muslim didalamnya

4. Aku harapkan pemuda inilah yang akan sanggup!

membangunkan zaman yang baharu memperbaru kekuatan Iman menyalakan pelita hidayat menyebarkan ajaran Khatimul Anbiya

Mencapckkan ditengah medan pokok ajaran Ibrahim api ini akan hidup kembali dan akan membakar janganlah mengeluh jua, hai orang yang mengadu janganlah putus asa, melihat lengang kebunmu cahaya pagi telah terhampar bersih dan kembang-kembang telah menyebar harum narwastu

kumbang dan lebah telah mulai mendengung mengedar

dan Syuhada, telah megelegak dimulut kuntum tak kah kau lihat langit, alangkah jernih tak kau lihat ufuk, burhan telah menyatakan diri hari yang baru telah pasti datang

dan syamsu akan datang dengan cahaya gemilang. Dan pandang pulalah kebumi

tidakkah engkau lihat satu kaum memetik buah dan yang lain menghapus tangan

memang banyak pohon kurma yang telah masanya berbuah

tetapi benih-benih yang baru bergerak di pelipis bumi, memecahkan

sendiri tempurungnya, melonjakkan tunas hendak melihat

cahaya dibumi,

asal dianya sentiasa disiram dan disiram dengan ajaran asli Islam, dia akan tumbuh dan suburnya

dan dunia mendapat nafas baru.

5. Khalaifatuladli akan diserahkan kembali ketanganmu

Bersedialah dan sekarang Tegaklah, untuk menetapkan ENGKAU ADA Denganmulah Nur Tauhid akan disempurnakan kembali

Engkau minyak athar itu, meskipun tersimpan dalam kuntum yang akan mekar.

Tegaklah, dan pikullah amanat ini atas pundakmu

Hembuskan panas napasmu diatas kebun ini

Agar harum-haruman narwastu meliputi segala

Dan janganlah dipilih hidup bagai nyanyian ombak hanya berbunyi ketika terhempas dipantai

Tetapi jadilah kamu air bah, mengubah dunia dengan amalmu

Kipaskan sayapmu di seluruh ufuk

Sinarilah zaman dengan nur imanmu Kirimkan cahaya dengan kuat yakinmu

Patrikan segala dengan nama Muhammad.

Dan tarikan nafas: IQBAL

### **Pesan Terakhir (Sajak oleh Syed Qutb)**

Sahabat...

Andainya kematian kau tangisi

Pusara kau siram dengan air matamu

Maka diatas tulang belulangku yang dah luluh

Nyalakaniah obor untuk umat ini

Dan

Lanjutkanlah gerak merebut kemenangan

Sahabat,

Kematianku hanyalah suatu perjalanan

Memenuhi panggilan kekasih yang merindu

Taman-taman indah disyurga Tuhan

Terhampar menanti

Burung-burungnya berpesta menyambutku

Dan berbahagialah hidupku di sana

Sahabat,

Puaka kegelapan pastikan lebur

Fajarkan menyingsing

Dan alam ini kan disinari cahaya lagi

Relakan lah rohku terbang menjelang rindunya

Jangan gentar berkelana ke alam abadi

Di sana cahaya fajar memancar.

Sayyid Qutub-1966